AJARAN SESAT WAHABI PERTAMA.

Puak Wahabi melarang orang belajar tentang sifat 20 pada hal ini dianjurkakn oleh Ahlussunnah wal Jamaah. Ini jelas dapat dilihat di negara Arab Saudi. Mereka menciptakan suatu pengajian tauhid secara baru yang tidak ada sejak dahulu, baik pada zaman nabi SAW atau pada zaman Sahabat baginda.

Pengajian baru itu mereka namakan dengan "Tauhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyah".

Tauhid ini ada 2 jenis, kata mereka iaitu:

1. Tauhid Rububiyah iaitu tauhidnya orang kafir dan tauhidnya orang musyrik yang menyembah berhala, atau dengan kata lainnya "Tauhid" orang yang syirik.

2. Tauhid Uluhiyah iaitu tauhidnya orang Mukmin, tauhidnya orang Islam serupa iman dan Islamnya puak Wahabi.

Mereka mengatakan bahawa dalam Al Quran disebut begini:

" Katakanlah (Wahai Muhammad): Kepunyaan siapakan langit dan bumi dan semua isinya kalau kamu mengetahui? Mereka akan menjawab: Kepunyaan Allah. Katakanlah kepada mereka: Mengapa kamu tidak mengambil perhatian?" (Al Mukminun:84-85)

Dengan ayat ini kaum Wahabi mengatakan bahawa orang kafir pun percaya kepada adanya Tuhan tetapi imannya tidak sah kerana menyembah berhala disamping pengakuannya kepada adanya Tuhan iaitu Allah.

Dalil lain yang mereka ajukan adalah:

"Dan kalau engkau bertanya kepada mereka siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menjadikan matahari dan bulan, mereka akan menjawab: Allah. Maka: Bagaimana kamu berpaling daripada kebenaran?"

(Al Ankabut:61)

Jadi kesimpulannya, orang Wahabi, orang kafir mengakui adanya Allah tetapi mereka menyembah selain Allah.

Jadi, kata mereka, ada orang yang mengakui adanya Tuhan tetapi menyembah selain Tuhan adalah bertauhid Rububiyah iaitu Tauhidnya orang yang mempersekutukan Allah.

Adapun Tauhid Uluhiyah ialah tauhid yang sebenar-benarnya iaitu mengesakan Tuhan sehingga tidak ada yang disembah selain Allah.

Demikian pengajian Wahabi.

Pengajian seperti ini tidak pernah ada sejak dahulu. hairan kita melihat falsafahnya. Orang kafir yang mempersekutukan Tuhan digelar kaum Tauhid. Adakah Sahabat-sahabat Nabi menamakan orang musyrik sebagai ummat Tauhid? Tidak!

Syirik dan Tauhid tidak mungkin bersatu. Hal ini adalah 2 perkara yang berlawanan bagai siang dengan malam.

Mungkinkah bersatu siang dengan malam serentak?Begitulah juga tidak adanya syirik dan tauhid bersatu dalam diri seseorang. Sama ada dia Tauhid atau Musyrik. Tidak ada kedua-duanya sekali. Jelas ini adalah ajaran sesat dan bidaah yang dipelopori oleh puak Wahabi & kini telah merebak ke dalam pengajian Islam teruatamnya di Timur Tengah.

Kaum Wahabi yang sesat ini menciptakan pengajian baru dengan maksud untuk menggolongkan manusia yang datang menziarahi makam Nabi di Madinah, bertawasul dan amalan Ahlussunnah wal Jamaah yang lain sebagai orang "kafir" yang bertauhid Rububiyah dan yang mengikuti mereka sahaja adalah tergolong dalam Tauhid Uluhiyah.

AJARAN SESAT WAHABI KEDUA

Qubbah di ats kubur adalah Haram.

Puak Wahabi berpendapat bahawa membina qubah di atas makam perkuburan adalah haram dan patut diruntuhkan.

Hal ini dilaksanakan oleh mereka pada ketika memasuki Hijjaz pada gelombang yang pertama tahun 1803M dan pada masa gelombang kedua pada tahun 1924M. Qubbah makam Siti Khadijah r.ha di Mua'la Mekah dan Sahabat-sahabat lain, begitu juga qubbah Sayidina Hamzah r.a dekat bukit Uhud begitu juga qubbah di makam Baqi' di Madinah semuanya diruntuhkan.

Bukan sahaja qubah makan tetapi juga qubah peringatan Maulud Nabi di Suq Al Lail juga diruntuhkan dengan meriam. Di seluruh dunia Islam selain yang dikuasai Wahabi kita dapat melihat qubbah-qubbah ini seperti di Palestin, Iraq, Maghribi, Mesir, Turki, Afghanistan, Pakistan, Syiria, Indonesia; semuanya terdapat qubbah di atas maqam para ulama dan nabi-nabi.

Bagi kaum Ahlussunnah wal Jamaah, membina qubbah-qubbah ini tidak ada salahnya bahkan baik kerana sebagai tanda bagi ulama-ulama dan auliya-aulia yang bermakan di situ disamping memudahkan para Muslimin mencarinya untuk tujuan ziarah.

Tetapi kaum Wahabi ini tidak berani meruntuhkan qubbah yang ada di atas makam Nabi Muhammad SAW di Madinah kerana takut akan reaksi dunia Islam seluruhnya.

AJARAN SESAT WAHABI KETIGA

Berdoa dengan cara tawasul adalah syirik.

Ulama-ulama Wahabi selalu menfatwakan bahawa berdoa dengan cara tawasul adalah syirik dan haram. Hal ini tidaklah menghairankan kerana fahaman Wahabi ini adalah penerus yang fanatik dari fatwa-fatwa Ibnu Taimiyah yang sesat itu.

Pendirian kaum Ahlussunnah wal Jamaah dalam soal tawasul sudah diperjelaskan dalam bab yang terdahulu yang membincangkan fatwa-fatwa Ibnu Taimiyah. Pada bab itu telah kami kemukakan dalil-dalil Al Quran dan hadis-hadis yang berkaitan dengan tawasul itu. Sila rujuk kembali.

AJARAN SESAT WAHABI KEEMPAT

Menyambut Maulidur Rasul adalah haram dan bidaah dholalah.

Ulama Wahabi menfatwakan bahawa menyambut sambutan Maulidur Rasul SAW adalah haram dan bidaah dholalah . Hujah mereka adalah kerana Rasul SAW dan para Sahabat Rasul SAW tidak mengamalkannya dan ianya merupakan satu perkara bidaah(yang diada-adakan) dalam Islam dan bagi mereka setiap bidaah adalah sesat.

Ini bertentangan dengan pendapat jumhur ulama Ahlussunnah wal Jamaah yang membolehkan sambutan Maulidur Rasul diadakan bagi memperingati jasa-jasa Rasul SAW dan sebagai tanda terima kasih kita kepada Rasul SAW yang membawa rahmat ke sekalian alam dengan kelahirannya ke muka bumi ini.

Bagi Ahlussunnah wal Jamaah, bidaah itu terbahagi kepada 2 iaitu bidaah hasanah dan bidaah dholalah. Dan sambutan maulidur rasul ini termasuk dalam kategori bidaah hasanah (baik). Kerana ketika sambutan Maulidur rasul inilah , amalan-amalan baik dan ibadah banyak dilakukan seperti selawat, berzanji, mendengar ceramah sirah nabi, nasyid dan pelbagai aktiviti

yang menanam rasa kecintaan kita kepada Rasul SAW dengan harapan untuk mendapatkan syafaatnya di Akhirat kelak.

Ulama Wahabi juga pernah menuduh bacaan selawat ketika Maulidur Rasul yang menyebut:

“Anta nuurun faqaunuri” yang bermaksud “Andalah cahaya di atas cahaya” sebagai bercanggah dengan ayat Al Quran ke 35 surah An Nur yang berbunyi:

“Allahu nurus samawa ti wal ard” yang mereka terjemahkan sebagai ” Allah adalah cahaya langit dan bumi.”

Ulama Wahabi menafsirkan selawat tersebut berlawanan dengan ayat Al Quran tadi kerana bagi mereka, Allah adalah cahaya langit dan bumi dan sekiranya Rasul adalah cahaya di atas cahaya, maka seolah-olah Rasul SAW adalah lebih tinggi dan mulia daripada Allah SWT. Maha Suci Allah! Lihatlah betapa dangkalnya tafsiran Wahabi ini yang hanya menerima tafsiran zahiriah ayat Quran tersebut dan tidak mengupas maksud simbolik atau batiniah surah tersebut.

Bagi Ahlussunnah wal Jamaah, tafsiran ayat Quran 35 surah An Nuur itu sepatutnya berbunyi:

“Allah adalah cahaya (petunjuk/hidayah) langit dan bumi” dan bukannya seperti yang ditafsir oleh ulama Wahabi tersebut.

Sekiranya tafsiran ulama Wahabi ini diterima, maka kita telah melakukan syirik dengan mengatakan Allah itu adalah cahaya sepertimana cahayanya para malaikat, matahari, lampu, lilin dan sebagainya. Maha Suci Allah daripada bersifat seperti makhluk-Nya.

Mari kita melihat surah As Syura:11 yang bermkasud: “Tiada yang menyerupai-Nya sebarang sesuatu.” Tetapi hal ini pun tidaklah menghairankan kerana mereka lebih gemar mengikuti Ibnu Taimiyah laknatullah itu dalam menerima tafsiran zahiriah semata-mata tanpa mengupas dan melihat maksud tersirat dalam sesuatu surah itu.

KESESATAN AJARAN WAHABI KELIMA

Istigatsah Syirik

Tersebut di dalam kitab karangan ulama Wahabi bertajuk “ Al Hidayatus Saniyah wat Tuhfatul Wahabiyah” pada muka surat 66 begini:

“Barangsiapa menjadikan malaikat, nabi-nabi, Ibnu Abbas, Ibnu Abi Thalib atau Mahjub perantara antara mereka dengan Allah, kerana mereka hamper dengan Allah, seperti yang banyak diperbuat orang di hadapan raja-raja, maka orang itu kafir, musyrik, halal darahnya dan hartanya,

walaupun ia mengucapkan 2 kalimah syahadat, walaupun dia sembahyang, puasa dan mendakwakan dirinya Muslim.”

Jelas menurut buku Wahabi ini bahawa kaum Wahabi mengkafirkan sekalian orang Islam yang sudah membaca syahadat kalau orang Islam